

12/09/1998

MSC: Swasta labur RM3.3b

Abdul Halim Yusoff

PELABURAN keseluruhan sektor swasta dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka berjumlah RM3.3 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Katanya, jumlah pelaburan itu adalah komitmen yang diberikan oleh 171 syarikat yang sudah diberikan taraf MSC (sehingga semalam) dan daripada jumlah itu, 69 adalah syarikat tempatan, Eropah (22) Amerika Syarikat (18) Jerman (5), lain-lain 16 dan usaha sama (41).

"Sehingga kini, kerajaan sudah menerima 241 permohonan untuk mendapatkan penarafan MSC daripada syarikat asing dan tempatan."

"Menjelang akhir tahun depan, 171 syarikat itu dijangka melabur sejumlah RM2.1 bilion dalam pembangunan MSC," katanya pada sidang media Multimedia Asia 98 (MMA 98) di Petaling Jaya, semalam.

Moggie berkata, pada tahun kedua (1999/2000), jumlah pelaburan mereka akan meningkat kepada RM2.4 bilion, RM2.6 bilion pada tahun ketiga, RM2.9 bilion dalam tahun keempat dan meningkat kepada RM3.3 billion pada 2002/2003.

Katanya, kerajaan memberikan pelbagai galakan kepada syarikat MSC termasuk diberikan pengecualian kawalan pelaburan kerana kerajaan percaya langkah itu adalah insentif kepada sektor swasta untuk menyertai pembangunan MSC.

Mengenai Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 98' (MMA) bermula 29 September ini, Moggie berkata, kerajaan akan mengadakan persidangan 'Komanwel Maya' pertama dalam MMA tahun ini.

Moggie berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi penceramah utama dalam satu daripada sesi pleno dalam persidangan Komanwel Maya.

Tokoh teknologi maklumat (IT) terkemuka tempatan lain yang akan turut menyertai persidangan itu adalah Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) serta Presiden merangkap Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

Penceramah luar yang mengesahkan penyertaan mereka secara sidang video dalam 'Komanwel Maya' itu adalah Presiden Bank Dunia James Wolfensohn dari New York, Suruhanjaya Kesatuan Eropah bagi hal ehwal perindustrian dalam IT dan telekomunikasi Martin Bergemann dari London dan Dekan Kajian Kerajaan John F Kennedy, Universiti Harvard, Dr Joseph Nye dari Boston.

Moggie, akan menjadi penceramah utama dalam Sesi Pleno Pembukaan MMA 98: MSC - Ujian bagi Idea dan Ideal.

MMA 98' dianjurkan bersama Sekretariat NITC, MIMOS Bhd, MDC, dan Telekom Malaysia Bhd.

(END)